

# Berita UniMAP

## AKTIVITI KESENIAN DAN KEBUDAYAAN PERLU PENGLIBATAN PELAJAR ANTARABANGSA

BANGI , 9 Disember - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyeru agar penganjuran aktiviti kesenian dan kebudayaan turut mengambil kira penyertaan dari pelajar-pelajar antarabangsa yang menuntut di negara ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia merupakan elemen penting yang harus diambil kira oleh semua pihak terutama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam usaha menyubur dan memperkuatkukan program-program kebudayaan.

"Kedudukan Malaysia sebagai hub pengajian tinggi yang popular di dunia mesti diambil kira dalam hal ini. Menurut rekod, Malaysia mempunyai seramai 70,000 orang pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian di Malaysia.

Daripada jumlah itu, seramai 19,878 pelajar antarabangsa atau 28 peratus sedang mengikuti pengajian di IPTA seluruh Malaysia, justeru adalah lebih baik jika pelajar-pelajar antarabangsa ini turut didedahkan dengan program-program kebudayaan Malaysia," katanya. Dato' Mohamed Khaled berkata demikian dalam ucapan di Majlis Perasmian Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (FESTKUM) 2009 anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) di Dewan Canselor Tun Abdul Razak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengurus MAKUM, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). FESTKUM 2009 merupakan

satu festival yang menggabungkan kesemua penganjuran program kebudayaan dan kesenian bersifat gala dan tersusun. Ia menggabungkan bidang kesenian pelbagai kaum dalam satu penganjuran berkonsep pertandingan seni yang pertama kali diadakan di Malaysia.

Dato' Mohamed Khaled seterusnya berkata, kebudayaan dan kesenian yang dimiliki oleh Malaysia boleh dijadikan tarikan untuk menarik minat pelajar-pelajar antarabangsa untuk terus memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian tinggi mereka. Ujarnya, ia juga adalah selari dengan hasrat kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pengajian tinggi dan pusat kepada perkembangan pengetahuan dan inovasi di peringkat antarabangsa. Sementara itu, majlis perasmian FESTKUM 2009 berlangsung dengan penuh warna warni dengan penglibatan lebih 1,000 mahasiswa IPTA.

Bertemakan 'Satu Budaya' yang menggambarkan aspirasi kerajaan yang memperkenalkan slogan '1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' , FESTKUM berupaya mengharmonikan aktiviti-aktiviti di kalangan warga sarjana malah dapat memberi kesan yang lebih positif, kerjasama yang lebih terpimpin dan berkualiti.

Sebanyak 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terdiri daripada 1391 mahasiswa menyertai festival ini. Terdapat lapan acara seni yang dipertandingkan seperti boria, dikir barat, pantun, muzik akustik, tarian zapin, tarian Cina dan India. Festival ini diadakan di empat lokasi iaitu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).